

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap kesiapsiagaan sistem LRT, MRT, Komuter, ETS, Monorel serta kos penyelenggaraan tahunan untuk setiap sistem tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa memantau kesiapsiagaan sistem pengoperasian kereta api yang dikendalikan oleh operator-operator rel bagi memastikan keselamatan dan keselesaan penumpang yang optimum.
2. Selain memastikan kerja-kerja penyelenggaraan berkala dilaksanakan mengikut jadual, KTMB juga sedang melaksanakan projek menaiktaraf landasan di Lembah Klang Fasa 1 yang akan siap pada suku kedua tahun 2024 dan Fasa 2 yang dijangka akan siap pada suku pertama tahun 2029. Projek KVDT Fasa 1 merangkumi laluan Rawang ke Salak Selatan manakala projek KVDT 2 merangkumi laluan Salak Selatan ke Seremban dan Simpang Pelabuhan Klang (SPK) ke Pelabuhan Klang.
3. Projek landasan berkembar antara Gemas - Johor Bahru juga sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2025. Penyiapan projek ini akan menyambungkan landasan berkembar dari Utara Semenanjung iaitu stesen Padang Besar hingga ke Selatan iaitu stesen Johor Bahru.
4. Selain itu, KTMB sedang menaiktaraf sistem elektrifikasi bagi sektor Lembah Klang di mana projek ini bertujuan untuk memastikan semua sistem elektrifikasi ini berada dalam keadaan terbaik dan dapat mengelakkan berlakunya kegagalan operasi tren. Projek menaiktaraf sistem elektrifikasi ini dijangka akan siap pada suku ketiga tahun 2027.
5. Kos penyelenggaraan tahunan bagi aset-aset keretapi yang dikendalikan oleh KTMB untuk menyokong sistem operasi rel yang *reliable* adalah seperti berikut:

Jenis Sistem Aset Keretapi	Kos Penyelenggaraan Tahunan (RM)
Infrastruktur Rel	84,000,000.00
Sistem Elektrifikasi	23,000,000.00

Sistem Semboyan & Komunikasi	36,000,000.00
Stokereta	114,000,000.00

6. Selain itu, pihak Prasarana selaku pemilik aset LRT di Lembah Klang bersama dengan Rapid Rail sebagai pengendali LRT dan MRT, telah merancang dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk membaik pulih serta menambah kebolehpercayaan tren dan sistem-sistem berkaitan demi mengurangkan kerosakan dan gangguan perkhidmatan semasa operasi.
7. Bagi LRT Laluan Ampang, kerja-kerja *overhaul* bagi semua komponen yang melibatkan 50 unit tren sedang dijalankan dan dijangka siap pada suku pertama 2028 dengan anggaran kos sebanyak RM190.4 juta dan pelaksanaan *Long-Term Service Support (LTSS)* selama 10 tahun dengan pihak OEM untuk sistem pensemboyanan yang dijadualkan bermula pada September 2024.
8. Bagi LRT Laluan Kelana Jaya, antara inisiatif sedang dilaksanakan termasuklah penggantian brek dan *propulsion tachometer* yang rosak bernilai RM1.5 juta bagi tren 818. Projek pembaikan ini dijangka siap pada suku keempat 2024.
9. Manakala bagi Laluan Monorel, aktiviti penukaran tayar tren yang mencapai tahap kehausan tayar yang dibenarkan atau jumlah jarak maksimum akan dimulakan pada tahun 2024 dengan anggaran kos bernilai RM2.2 juta.
10. Bagi MRT Laluan Kajang pula, kerja penggantian roda tren bernilai RM36.7 juta dijangka siap pada bulan Januari 2025.

Sekian, terima kasih.